



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
25 Mac 2020

1. Pada hari ini, 30 Rejab 1441 bersamaan 25 Mac 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai **5** lagi kes baru yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes di negara ini ialah 109 orang.**

- Kes 105 ialah seorang lelaki tempatan berumur 17 tahun yang mempunyai kaitan dengan kluster keluarga yang telah melancong ke Surabaya, Indonesia dan telah pulang ke negara ini pada 20 Mac 2020 dengan menaiki pesawat BI796.
- Kes 106 berumur 23 tahun ialah seorang warga tempatan yang telah pulang ke negara ini dari United Kingdom pada 23 Mac 2020 dengan menaiki pesawat BI004 (tempat duduk 39B). Beliau mula mengalami sakit kepala pada 24 Mac 2020.
- Kes 107 ialah seorang lelaki pekerja asing berumur 51 tahun yang berkerja di Negara Brunei Darussalam dan pulang ke negara ini dari Surabaya, Indonesia pada 20 Mac 2020 dengan menaiki pesawat BI796 (tempat duduk 29B). Walau bagaimanapun, Kes ini bukan

dalam rombongan yang sama dengan Kes 91, 93, 96, 97, 98, 99, 100, 102, 104 dan 105.

- Kes 108 berumur 72 tahun mempunyai hubungan dengan kluster yang berkaitan dengan Kes 73, 80, 88, 101 dan 109. Beliau telah pulang dari United Kingdom bersama Kes 73 pada 16 Mac 2020 dan ujian makmal beliau pada awalnya adalah negatif. Beliau tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 109 berumur 33 tahun mempunyai hubungan dengan kluster yang berkaitan dengan Kes 73, 80, 88, 101 dan 108. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan mula mengalami demam panas dan selsema pada 23 Mac 2020.

2. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa daripada 107 kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, seorang masih dalam keadaan kritikal dan pada masa ini memerlukan mesin bantuan pernafasan dan alat bantuan tambahan iaitu *heart/lung machine (ECMO)*. Sementara itu, tiga orang dalam pemantauan rapi manakala selebihnya dalam keadaan yang baik.
3. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa pada ketika ini seramai 1,211 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 655 orang lagi telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 4,084 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.

4. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 30 Rejab 1441H / 25 Mac 2020